

15 DEC 1996

Daim-Samy

DAIM LANCARKAN BUKU MENGENAI SAMY VELLU (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin ketika melancarkan buku biografi mengenai Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini menyifatkan presiden MIC itu sebagai seorang "tokoh serba boleh".

Sambil merujuk kepada Samy Vellu sebagai seorang sahabat baik beliau, Daim berkata bahawa beliau memberikan gelaran itu kepada Menteri Kerja Raya itu kerana kebolehan beliau untuk menyesuaikan diri di dalam apa jua keadaan.

"Beliau ialah seorang yang serba boleh dan pintar bercakap," kata bekas Menteri Kewangan itu ketika melancarkan buku berjudul "MIC Era Samy Vellu" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Penulis buku setebal 250 halaman itu, M.Vivekananthan, seorang penterjemah Mahkamah Tinggi, mengambil masa selama tiga tahun untuk menyiapkannya. Buku itu menceritakan latar belakang Samy Vellu dari zaman kanak-kanak sehingga beliau muncul sebagai seorang menteri dan pemimpin parti.

Antara beratus-ratus orang yang hadir pada majlis itu ialah isteri Samy Vellu, Datin Seri Indrani dan pengerusi tetap MIC dan pengerusi Yayasan Ubaidi Tan Sri S.O.K. Ubaidulla.

Daim menyifatkan Samy Vellu sebagai seorang pemimpin yang membantu membentuk haluan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hubungan baik beliau dengan Dr Mahathir ditambah lagi dengan ciri-ciri kepimpinannya yang baik menjadikan beliau seorang pemimpin yang berkesan," kata beliau.

Beliau juga berkata Samy Vellu, yang menerima gelaran "Man of the Year" oleh Persekutuan Lebuh Raya Antarabangsa di Las Vegas pada 1989, telah berjaya membawa MIC ke tahap yang tinggi sejak mengambil alih kepimpinan parti itu pada 1979.

Daim berkata usaha oleh penulis buku itu untuk menulis di dalam Bahasa Melayu wajar menerima kepujian.

Buku itu dijual dengan harga RM30 dan hasil jualanannya hari ini akan diserahkan kepada Yayasan Ubaidi.

-- BERNAMA

ES MZ AHH